



## NOTIS PEMBERITAHUAN

### TAWARAN UNTUK MENYEWA PREMIS PERNIAGAAN MILIK MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS.

Tawaran adalah dibuka kepada orang ramai yang berminat menyewa perniagaan Majlis Daerah Cameron Highlands. Keterangan ruang niaga adalah seperti berikut :-

BIL	KAWASAN	JUMLAH KEKOSONGAN	KUOTA PERMOHONAN	JENIS PERNIAGAAN
1.	NO.8 GERAI MAKAN FOOD COURT BRINCHANG,CAMERON HIGHLANDS	1	BUMIPUTERA	RUNCIT & LAIN-LAIN (BUKAN KEDAI MAKAN & MINUM)
2.	NO.2 PASAR BRINCHANG,CAMERON HIGHLANDS	1	TERBUKA	RUNCIT/SAYUR/ BUAH-BUAHAN
3.	NO.5 PASAR BRINCHANG,CAMERON HIGHLANDS	1	TERBUKA	RUNCIT/SAYUR/ BUAH-BUAHAN

### Syarat – syarat permohonan :

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada :
  - I. Warganegara Malaysia
  - II. Keutamaan adalah kepada rakyat Negeri Pahang atau individu yang bermastautin tidak kurang dari 5 tahun di Cameron Highlands.
  - III. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
  - IV. **BUKAN** kakitangan awam.
  - V. Keutamaan kepada yang telah berkahwin dan ibu tunggal.
  - VI. Tidak mempunyai sebarang rekod jenayah dan rekod kesalahan dengan MDCH.
  - VII. Tidak mempunyai lebih daripada 1 lesen perniagaan dengan MDCH.
2. Permohonan adalah tidak terhad kepada sebarang jenis perniagaan yang bersesuaian ( tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Ahli Jawatankuasa Temuduga Gerai / Premis).
3. Memiliki sijil Pendaftaran Perniagaan yang berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia ( bagi yang telah memiliki perniagaan sahaja).
4. Borang permohonan hendaklah dihantar selepas diisi secara lengkap dengan semua maklumat yang diperlukan ( seperti senarai semak).
5. Borang permohonan boleh didapati di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Daerah Cameron Highlands mulai **1hb Disember 2021** dan hendaklah dihantar semula pada atau sebelum **10hb Januari 2022 jam 4.30 petang**. Sebarang permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan diproses.

Saya yang menjalankan amanah,

  
( **NORAIZATUL AFIDAH BINTI ABDUL RAZAK**)  
Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta  
Majlis Daerah Cameron Highlands.

Fail : Bil (04) dlm.MDCH/JPPH/SW/200/4/2/8  
Tarikh : **20 Disember 2021**  
Bersamaan : **15 Jamadil Awal 1443 H**